



AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

SOALAN-SOALAN LAZIM

POLISI 2 : MEMPERKUKUHKAN KERANGKA REHABILITASI KORPORAT

- (B) Penambahbaikan peruntukan lain berkaitan perkiraan sukarela korporat/pengurusan kehakiman/skim perkiraan dan kompromi (CVA/JM/SPK)

Apakah matlamat utama seksyen baharu 398A dan subseksyen baharu 411(5) berkaitan dengan mendapatkan semula harta oleh pemutang bercagar?

Matlamat utama seksyen baharu 398A dan subseksyen baharu 411(5) adalah bertujuan untuk memberikan relif kepada syarikat dengan membenarkan pemutang bercagar untuk mengambil milikan, melaksanakan apa-apa hak atau mendapatkan semula harta yang dicagar semasa moratorium dalam perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman berdasarkan keadaan harta tersebut. Sebagai contoh, pemutang bercagar boleh mengambil semula barang yang mudah rosak atau mana-mana jentera di bawah perjanjian sewa beli yang tidak digunakan oleh syarikat semasa proses perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman. Dengan ini, barang yang mudah rosak tidak akan menjadi sia-sia dan pembekal tidak perlu memohon bayaran bagi barang tersebut daripada syarikat. Dalam kes yang melibatkan jentera, jentera ini tidak akan terbiar dan rosak jika syarikat mempunyai sumber yang terhad untuk memastikan jentera itu diselenggarakan dengan baik. Tindakan ini juga akan membolehkan syarikat mengurangkan sebarang keterhutangan ke atas harta yang dicagar tersebut dengan pihak pemutang bercagar berkenaan.